

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN POTONGAN CUKAI  
BAGI SUMBANGAN DERMA KEPADA INDIVIDU YANG  
MENGIDAPI PENYAKIT KRONIK/SERIUS  
YANG MEMERLUKAN BANTUAN KEWANGAN  
KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6), AKTA  
CUKAI PENDAPATAN 1967**

**1. TUJUAN**

Garis panduan ini menerangkan prosedur permohonan untuk mendapatkan kelulusan untuk maksud potongan cukai bagi penderma yang memberi sumbangan tunai kepada seseorang individu yang mengidapi penyakit kronik/serius dan memerlukan bantuan kewangan bagi maksud merawat penyakit tersebut.

**2. PENGENALAN**

Pada masa ini bantuan perubatan boleh diperolehi melalui tabung-tabung yang telah diberi kelulusan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri seperti Tabung Kebajikan Negara, yang ditubuhkan untuk memberi bantuan, termasuk bantuan perubatan, kepada mereka yang perlu. Beberapa media akhbar juga turut menyiar berita pesakit-pesakit yang memerlukan bantuan melalui akhbar tempatan masing-masing bagi membolehkan orang ramai memberi sumbangan derma kepada mereka yang mengidap penyakit kronik/serius dan tidak berkemampuan untuk membiayai rawatan penyakit mereka.

Sumbangan tunai oleh orang ramai bagi maksud rawatan perubatan penyakit kronik/serius yang dihidapi oleh seseorang individu yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri kini layak mendapat potongan cukai.

**3. SYARAT KELAYAKAN**

- 3.1 Rakyat Malaysia yang mengidapi penyakit kronik/serius dan pendapatan keluarga yang tidak melebihi RM2,500.00 sebulan. Pertimbangan juga diberi kepada pesakit yang mana pendapatan keluarganya melebihi RM2,500.00 sebulan mengikut merit kes masing-masing.
- 3.2 Jenis-jenis penyakit yang boleh diberi pertimbangan adalah seperti disenaraikan di Lampiran A.
- 3.3 Permohonan boleh dibuat terus kepada Bahagian Teknikal, Ibu Pejabat, Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana Cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan menggunakan borang permohonan seperti di lampiran B.
- 3.4 Permohonan hendaklah dibuat atas nama pesakit dan boleh dibuat sendiri atau oleh ibu/bapa/penjaga pesakit. Permohonan juga boleh dibuat oleh mana-mana orang atau pertubuhan bagi pihak pesakit atau keluarga pesakit. Permohonan daripada pihak ketiga ini hendaklah disertakan dengan surat kebenaran daripada pesakit atau keluarga pesakit.

#### **4. DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**

Borang permohonan hendaklah dikemukakan bersama dengan dokumen-dokumen berikut:-

- (i) Salinan kad pengenalan/sijil kelahiran pesakit yang disahkan;
- (ii) Salinan kad pengenalan ibu/bapa/penjaga atau orang yang mewakilinya yang disahkan, jika permohonan dibuat bagi pihak pesakit;
- (iii) Salinan Notis Taksiran Cukai Pendapatan (Borang J) yang terkini atau salinan penyata gaji yang terkini yang disahkan bagi diri sendiri atau

ibu/bapa/penjaga, penyata pendapatan yang disahkan bagi mereka yang bekerja sendiri; atau sebarang dokumen lain yang boleh mengesahkan kedudukan kewangan pesakit atau keluarganya.

- (iv) Laporan perubatan yang menyeluruh dari pihak hospital dan merangkumi:-
  - (a) Jenis penyakit;
  - (b) Rawatan yang diperlukan;
  - (c) Anggaran perbelanjaan rawatan termasuk pembelian keperluan alat-alat seperti mesin dan alat bantuan pernafasan dan kaki/tangan palsu .
  - (d) Jangka masa rawatan.
- (v) Jumlah kutipan derma yang dipohon merangkumi jumlah yang dianggarkan oleh pihak hospital dan perbelanjaan sampingan seperti kos perjalanan bagi pesakit dan pengiring/penjaga, sekiranya rawatan dilakukan di bandar luar tempat tinggal atau di luar negara, serta penginapan bagi pesakit dan pengiring sebelum, semasa dan selepas rawatan. Kos sampingan ini hendaklah dinyatakan dengan terang dan terperinci serta disokong oleh pihak hospital.

## 5.

### **SYARAT-SYARAT KELULUSAN BANTUAN**

- 5.1 Tempoh untuk kutipan derma yang diluluskan adalah mengikut jangka masa rawatan yang diperlukan atau mencapai jumlah yang diluluskan, yang mana terdahulu.
- 5.2 Laporan perubatan seperti di perenggan 4(iv) di atas perlu mendapat pandangan profesional dari Bahagian

Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur.

- 5.3 Setelah kelulusan diberikan, pihak pesakit dikehendaki merujuk kepada mana-mana media/badan/organisasi dengan mengemukakan salinan asal surat kelulusan untuk mendapatkan bantuan menguruskan kutipan derma melalui sebaran umum dalam akhbar tempatan.
- 5.4 Pihak media/badan/organisasi berkenaan akan -
- (i) Menyiarkan berita di dalam akhbar tempatan berkaitan pesakit dan jumlah bantuan kewangan yang diperlukan.
  - (ii) Mengeluarkan resit bagi pihak pesakit ke atas derma yang diterima daripada orang ramai. Resit ini hendaklah mengandungi antara lain -
    - (a) Nama Penderma;
    - (b) Jumlah derma; dan
    - (c) Catatan “Diluluskan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.  
No. Rujukan : LHDN 01/35/42/51/179- PS xxx  
Nama Pesakit : xxxxxxxxxxxxxxxx “
  - (iii) Membuka satu akaun khas yang berasingan untuk menyelenggarakan kutipan derma dan pembayaran perbelanjaan perubatan bagi pesakit kronik/serius yang diluluskan; dan
  - (iv) Setelah tempoh kelulusan tamat, mengemukakan penyata akaun bagi setiap pesakit yang menunjukkan jumlah derma yang diterima dan jumlah pembayaran perbelanjaan yang telah dibuat.

- 5.5 Jumlah derma yang diterima hendaklah digunakan semata-mata bagi maksud perubatan dan perbelanjaan yang berkaitan dengan rawatan pesakit berkenaan sahaja. Pembayaran perbelanjaan perubatan hendaklah dibuat oleh pihak media/badan/organisasi terus kepada hospital. Selebih daripada jumlah yang dibenarkan boleh dibayar kepada pesakit untuk perbelanjaan rawatan sampingan tertakluk kepada jumlah yang telah diluluskan.
- 5.6 Jika kutipan bagi seseorang itu melebihi dari jumlah yang diluluskan atau jumlah yang sebenarnya dibelanjakan, lebihan tersebut hendaklah dipindahkan dan dikreditkan ke akaun pesakit yang lain yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah.

6. **BORANG PERMOHONAN**

Contoh borang permohonan seperti dilampirkan. Borang permohonan boleh diperolehi di Lembaga Hasil Dalam Negeri, Bahagian Teknikal, Ibu Pejabat dan juga mana-mana Cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang terdekat.

Unit 35, Bahagian Teknikal,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri,  
MALAYSIA

17 Januari 2001